

## **NAMA PERNIAGAAN: CITRA JATI DIRI**

**Dayang Surinah Haji Nordin**

**surinah.nordin@yahoo.com**

**(Brunei Darussalam)**

### **Abstrak**

Aktiviti ekonomi dunia yang bergerak ligat memberi pengaruh atau dampak ke atas bahasa tanpa kita sedar. Bahasa boleh berkembang atau sebaliknya, dan ini bergantung kepada upaya kita memanfaatkan faktor-faktor ekonomi yang tersedia. Makalah ini memfokuskan penelitian terhadap nama perniagaan yang boleh dijadikan sebagai wahana atau komoditi untuk mempromosikan bahasa. Senario dan isu penggunaan bahasa pada nama perniagaan terutamanya di papan-papan nama perniagaan yang menggunakan tujuh buah bahasa dan dialek tempatan di Brunei Darussalam menjadi fokus perbincangan. Aspek leksikal tempatan penting untuk dikaji dari segi bagaimana ia mampu digarap, dikias makna, dan diguna pakai semaksimumnya kerana dengan demikian boleh mencerminkan budaya, persepsi, perilaku dan pemikiran sesebuah masyarakat pengguna bahasa. Makalah ini juga memperlihatkan sikap bahasa masyarakat yang cenderung mencipta nama perniagaan yang bersifat berbilang bahasa (*multilingual*) berbanding dengan nama perniagaan yang bersifat ekabahasa. Malah, bentuk kekreatifan sebegini acap kali dianggap sebagai suatu trend, dan jarang sekali dinilai sebagai suatu ketandusan idea. Pertimbangan dan usaha yang padu antara agensi kerajaan dan swasta serta peranan masyarakat perlu digerakkan bagi memunculkan bahasa dan dialek tempatan pada nama perniagaan, dan sekali gus melestarikan bahasa dan dialek tempatan.

**Kata kunci:** nama perniagaan, dialek tempatan, lestari bahasa

## 1.0 Pengenalan

Kertas kerja ini membicarakan mengenai pemakaian bahasa atau dialek tempatan pada nama perniagaan (NP), yang tertumpu kepada pemakaian nama khusus (NKs) NP di Negara Brunei Darussalam. Perbincangan akan menjurus kepada sikap dan penilaian yang ditonjolkan oleh bangsa yang menuturkan bahasa atau dialek yang berkenaan. Perkara ini berkaitan dengan “sikap bahasa”. Teo Kok Seong (2000:156) menjelaskan tentang sikap bahasa seperti yang berikut:

“Sikap bahasa pula adalah perasaan, kepercayaan, fikiran, dan tindakan terhadap antaranya bahasa itu sendiri, ciri bahasa, fungsi bahasa dan bahasa sebagai lambang kelompok.”

Reaksi kita terhadap sesuatu bahasa boleh memperlihatkan persepsi kita terhadap para penuturnya. Tanpa sedar, kita akan memberi penilaian terhadap sesuatu bahasa berdasarkan pandangan mata kasar kita, dan sekali gus terkait penilaian terhadap penuturnya juga. Oleh itu, kertas kerja ini cuba untuk memanfaatkan NP yang direkodkan di Unit Pelaksanaan Bahasa, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei (DBPB) untuk melihat sejauh mana bahasa atau dialek tempatan digunakan pada NP.

Umumnya, diketahui bahawa ekonomi dunia bergerak dengan pantas, yang antaranya disebabkan kewujudan gelombang globalisasi. Hal ini mendorong ramai orang untuk menceburi bidang perniagaan. Proses globalisasi banyak memanfaatkan sistem komunikasi yang terkini dan canggih untuk memangkin perkembangan sesebuah perniagaan. Sistem komunikasi yang dimanfaatkan bagi melicinkan aktiviti perniagaan sememangnya memerlukan bahasa untuk melangsungkan komunikasi. Disebabkan situasi ini juga, maka ramai orang menyedari bahawa ekonomi dan faktor-faktor yang tercakup di dalamnya secara langsung berfungsi sebagai salah satu faktor yang boleh memangkin perkembangan suatu bahasa atau sebaliknya. Ruíz R. (1988:46) menyatakan, seperti yang berikut:

*“...it was suggested that economic factors are intimately related to language maintenance and loss.”*

Secara umum, pandangan Ruíz R. mengenai ekonomi sebagai salah satu faktor yang boleh melestarikan bahasa atau sebaliknya boleh diperluaskan lagi kerana ekonomi atau bahasa sebenarnya saling memerlukan antara satu dengan lain. Bukan satu elemen yang mempengaruhi elemen yang satu lagi, tetapi ekonomi dan bahasa adalah saling memerlukan. Dengan perkataan lain, konsep kesalingbergantungan wujud antara ekonomi dengan bahasa. Perkara ini dikuatkan lagi dengan pendapat yang dikemukakan oleh Abdullah Hassan (2005:27):

“Negara-negara yang menggunakan bahasa kebangsaan masing-masing dapat memindahkan sains dan teknologi kepada seluruh masyarakat. [...] Laporan Bank Dunia pada lalu mengatakan bahawa ekonomi negara-negara yang tidak berbahasa Inggeris di Asia membangun dengan pesat.”

Dengan tersedianya sistem komunikasi yang merentas sempadan, individu yang baharu merangkak menceburi bidang perniagaan yang akan dibinanya juga mampu berada di pasaran dan dikenali oleh pelanggan. Individu terlibat mula memasang impian dengan langkah-langkah permulaan untuk merealisasikan perniagaan yang dicita-citakan, antaranya memilih nama perniagaan (NP) yang mempunyai nilai komersial.

NP merupakan hak eksklusif pemilik perniagaan. NP ialah instrumen yang secara tidak langsung merekodkan dokumen yang sangat penting bagi sesebuah perniagaan. Di dalamnya tercakup elemen-elemen tersirat, seperti hasrat pemilik perniagaan, sejarah pembentukan perniagaan, pemilihan nama untuk perniagaan yang dibentuk, pemilihan jenis perniagaan, dan sebagainya.

Secara umumnya, binaan sesebuah NP boleh disegmentasikan kepada tiga segmen utama, iaitu (1) nama khusus NP atau NKs, (2) ciri khusus perniagaan NP, dan (3) ciri umum perniagaan NP. Ketiga-tiga segmen berkenaan tidak semestinya wujud sekali gus dalam sebuah NP. Namun,

nama khusus NP ialah unsur yang wajib ada pada sesebuah NP kerana nama khusus NP merupakan elemen penting NP yang membezakannya dengan NP yang lain.

NP	Ciri Umum	Ciri Khusus	Nama Khusus (NKs)
Perusahaan Katabi Mala	Perusahaan	-	Katabi Mala
Gerai Nenda	-	Gerai	Nenda
Kedai Jahit Bakawali	-	Kedai Jahit	Bakawali
Syarikat Kembura	Syarikat	-	Kembura

**Jadual 1** Segmentasi Nama Perniagaan Bahasa Melayu

## 2.0 Konsep Asas

Takrif bagi frasa-frasa yang dinyatakan di bawah adalah hasil takrifan penulis, iaitu berdasarkan pengamatan terhadap bentuk dan struktur NP yang tersenarai di Unit Pelaksanaan Bahasa, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, DBPB. Konsep-konsep asas yang diperkenalkan ini masih mempunyai ruang untuk diperbaiki sementalah NP berkaitan dengan kreativiti pemilik atau pencipta NP. Kreativiti seseorang individu adalah sesuatu yang sukar untuk diramal dan bersifat di luar jangkauan pemikiran individu lain.

Nama khusus NP didefinisikan sebagai kata nama bagi sesebuah perniagaan yang boleh terdiri daripada salah satu atau gabungan daripada jenis kata nama yang berikut; iaitu nama pemilik, nama ciptaan, nama tempat, atau kata umum. Pada kebiasaannya, dalam struktur binaan NP berbahasa Melayu, nama khususnya terletak pada bahagian akhir NP, dan bagi NP berbahasa Inggeris, nama khususnya terletak pada bahagian awal NP. Nama khusus NP menjadi elemen utama yang dibincangkan dalam makalah ini bagi menerpa matlamat forum, iaitu untuk melihat bagaimana bahasa dan dialek tempatan diterapkan dalam NP, bagaimana kosa kata tempatan

berkenaan mampu digarap, dikias makna, dan diguna pakai semaksimumnya dalam mencerminkan budaya, persepsi, perilaku, dan pemikiran sesebuah masyarakat pengguna bahasa.

NP	Nama Khas	Ciri Khusus	Ciri Umum
Cantik Nandong Tailoring	Cantik Nandong	Tailoring	-
Luban Sdn. Bhd.	Luban	-	Sdn. Bhd.
Mummba Café	Mummba	Café	-
Kawang Enterprise	Kawang	-	Enterprise
Seri Putat Marketing Services Company	Seri Putat	Marketing Services	Company

**Jadual 2** Segmentasi Nama Perniagaan Berbilang Bahasa

Definisi ciri khusus perniagaan NP ialah produk yang diniagakan atau perkhidmatan yang disediakan. Misalnya, restoran dan catering, *transportation and forwarding, food house*, salon, dan kejuruteraan. Ciri khusus perniagaan NP tidak semestinya hadir dalam binaan sesebuah NP kerana pemilik sesebuah perniagaan terkadang tidak mengkhususkan ciri perniagaannya. Dengan perkataan lain, perniagaan yang dibina mencakupi pelbagai produk dan/atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan.

Sementara itu, takrif ciri umum perniagaan NP pula ialah kata nama yang jelas memperlihatkan ciri umum perniagaan, seperti *enterprise*, perusahaan, sendirian berhad (Sdn. Bhd.), *private limited, company*, dan syarikat.

### 3.0 Bahasa pada Nama Perniagaan

Hasil daripada penelitian awal mengenai penerapan bahasa atau dialek tempatan pada NP yang terdapat di Brunei Darussalam menunjukkan bahawa terdapat banyak perkara yang menarik yang

boleh dikupas. NP mempunyai kisah yang unik, iaitu ada hal yang boleh disorot dan dibicarakan kerana di dalamnya terdapat idea atau gagasan khusus penciptanya. Di dalamnya terdapat cerita mengenai tokoh atau individu atau tempat tertentu, golongan perkataan yang menjadi kecenderungan pilihan para penciptanya, pola-pola pembentukan NP, perubahan dan peluasan makna yang tidak terikat pada makna leksikal semata-mata.

Di Negara Brunei Darussalam, NP yang terdapat pada papan tanda NP memperlihatkan senario penggunaan bahasa dalam pelbagai bentuk. Walaupun begitu, reka letaknya adalah teratur. Kaedah-kaedah reka letak NP pada papan NP atau di bangunan yang digariskan oleh pihak berkuasa adalah seperti yang berikut:

1. Bahasa Melayu dalam bentuk tulisan Jawi dipaparkan pada baris atas sekali, dan diikuti oleh bahasa Melayu dalam bentuk tulisan Rumi pada baris kedua. Pada baris ketiga pula tertera bahasa Inggeris dan/atau gabungan pelbagai bahasa.



**Foto 1** Reka letak nama perniagaan (Gaya 1)



**Foto 2** Reka letak nama perniagaan (Gaya 1)

2. Bahasa Melayu dalam bentuk tulisan Jawi dipaparkan pada sebelah kanan, dan pada sebelah kiri. Manakala pada sebelah kiri, terpapar bahasa Melayu (tulisan Rumi) dan bahasa Inggeris. Bahasa Melayu (tulisan Rumi) terletak di baris atas, dan di baris bawah tertera bahasa Inggeris.



**Foto 3** Reka letak nama perniagaan (Gaya 2)

### 3.1 Penciptaan Nama Khusus NP

Kekreatifan mencipta nama khusus NP juga telah mencetuskan pelbagai bentuk NP, antaranya pencantuman bahasa antara bahasa Melayu dengan/atau bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain pada nama khusus NP. Tidak kurang juga yang menggarap bahasa dan dialek tempatan pada

nama khusus NP. Umumnya, penciptaan nama khusus NP boleh dikategorikan kepada dua, iaitu: (1) kategori ekabahasa, dan (2) kategori pelbagai bahasa. Contohnya:

Kategori 1 Nama Khusus NP (Kategori ekabahasa)

Syarikat Ungkayah PHP  
Perusahaan Bahagia Kukuh  
Syarikat Ibujaya

Kategori 2 Nama Khusus NP (Kategori pelbagai bahasa)

Serikandi X-Pres  
Simplylazar Restaurant  
Tes-Kelasik Restaurant

Data mengenai NP yang tersimpan di Unit Pelaksanaan Bahasa, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa DBPB dari tahun 1998 hingga 2012 menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 13,687 NP telah direkodkan. Data ini adalah berdasarkan Statistik Permohonan Tulisan Jawi. Daripada jumlah ini, didapati kurang daripada 10% NP yang menggunakan bahasa atau dialek tempatan pada nama khusus NP. Berikut ialah pecahan peratus penggunaan bahasa atau dialek tempatan pada nama khusus NP.

Berdasarkan data yang tertera di Jadual 3, didapati bahawa bahasa Melayu Brunei (BMB) agak dominan digunakan sebagai nama khusus NP, iaitu sebanyak 71% berbanding dialek-dialek tempatan lain. Peratus kedua tertinggi ialah dialek Tutong (10.7%), diikuti oleh dialek Kedayan (5.4%), Dusun (5.4%), Bisaya (3.6%), dan Murut serta Belait yang masing-masing sebanyak 1.8% sahaja.

<b>Dialek</b>	<b>Melayu Brunei</b>	<b>Belait</b>	<b>Bisaya</b>	<b>Dusun</b>	<b>Kedayan</b>	<b>Murut</b>	<b>Tutong</b>
---------------	--------------------------	---------------	---------------	--------------	----------------	--------------	---------------



Peratus (%)	71	1.8	3.6	5.4	5.4	1.8	10.7
-------------	----	-----	-----	-----	-----	-----	------

**Jadual 3** Peratus Penggunaan Bahasa atau Dialek Tempatan pada Nama Khusus NP

Walaupun peratus tersebut memperlihatkan jurang perbezaan yang ketara antara satu dialek dengan dialek yang lain, situasi ini masih dianggap baik kerana bahasa dan dialek tempatan masih mendapat ruang dan peluang serta menjadi pilihan untuk digarap sebagai nama khusus NP. Malah ini juga menunjukkan bahawa segelintir masyarakat penutur bahasa dan dialek yang berkenaan masih mempunyai jati diri dan rasa bangga terhadap bahasa dan dialek mereka. Oleh itu, usaha untuk memangkin penggunaan bahasa atau dialek tempatan pada nama khusus NP mahupun pada mana-mana segmen NP perlu dipergiatkan dalam kalangan penuturnya.

### 3.2 Nama Khusus NP: Penggarapan

Penelitian yang dilakukan terhadap nama-nama khusus NP memperlihatkan beberapa perkara yang menarik untuk diamati dan diambil perhatian. Ini termasuklah perkara-perkara yang berikut:

#### 3.2.1 Ejaan

Nama khus NP yang menggunakan perkataan dalam bahasa atau dialek tempatan sering dieja mengikut kelaziman sebutan dalam masyarakat penuturnya. Dengan perkataan lain, berlaku penyimpangan ejaan bagi perkataan-perkataan berkenaan, dan tidak mengikut ejaan, seperti yang tersenarai di dalam Daftar Leksikal 7 Dialak Brunei Darussalam (DL7DBD). Terdapat tiga kemungkinan berlakunya situasi ini, iaitu (1) pencipta NP sengaja mencipta kelainan, (2) pencipta NP kurang peka dengan ejaan standard yang terdapat di dalam DL7DBD, dan (3) berkemungkinan NP yang menggunakan bahasa atau dialek tempatan adalah pendaftaran lama, iaitu NP berkenaan telah didaftarkan lebih dahulu sebelum buku DL7DBD diterbitkan.

Perkataan-perkataan yang digarisbawahkan di dalam Jadual 4 ialah contoh penyimpangan ejaan perkataan yang dimaksudkan.

NP	Ejaan di dalam DL7DBD	Lambang Fonetik	Bahasa atau Dialek Tempatan
Sri <u>Kadayan</u> Enterprise	Kedayan	[kədajan]	Kedayan
<u>Munchoi</u> Restaurant	moncoi	[monfoi]	Dusun dan Bisaya

**Jadual 4** Contoh Penyimpangan Ejaan dalam NP

Walaupun penyimpangan ejaan pada bahasa atau dialek tempatan yang digunakan NP bukan suatu isu yang besar, namun perkara ini patut diberi perhatian yang sewajarnya kerana perkara ini terkait dengan langkah pelestarian leksikal bahasa atau dialek tempatan. Khazanah lisan masyarakat penutur bahasa atau dialek tempatan khususnya leksikal bangsa mereka sepatutnya dirakam dengan sempurna. Dengan perkataan lain, sebutan yang tepat bagi leksikal-leksikal berkenaan perlu dipelihara dengan sebaik-baiknya bukan setakat sebagai rujukan generasi akan datang, tetapi diguna pakai dalam kehidupan harian mereka.

### 3.2.2 Gabungan Bahasa atau Dialek Tempatan dengan Bahasa Melayu Standard (BMS) atau Bahasa Inggeris

Beberapa NP menggabungkan dialek tempatan dengan BMS. Andaian awal bagi situasi ini adalah kerana pencipta atau pemilik NP ingin menggabungkan makna tersurat dan tersirat pada perkataan-perkataan yang berkenaan agar dapat menerpa hasrat yang dimaksudkan. Contohnya:

NP	Ejaan dalam DL7DBD	Lambang Fonetik	Maksud	Bahasa atau Dialek
----	--------------------	-----------------	--------	--------------------

				<b>Tempatan</b>
Syarikat <u>Kaban</u> Sakti	kaban	[kaban]	Peti atau kotak	Melayu Brunei
Cantik <u>Nandong</u> Tailoring	nandong	[nandon]	Pepatung	Melayu Brunei

**Jadual 5** Contoh NP (Gabungan Pelbagai Bahasa)

### 3.2.3 Penggunaan Kata Sapaan

Suatu yang menjadi kelaziman dalam masyarakat Melayu, iaitu mempunyai sistem sapaan atau panggilan yang tersendiri dalam kalangan keluarga atau masyarakat. Budaya sopan ini dicernakan dalam NP bagi menonjolkan perilaku orang Melayu yang kaya dengan budi pekerti. Secara tidak langsung, pemakaian sebegini juga akan melazimkan generasi muda untuk berbangga menggunakan kata sapaan tanpa rasa segan, sekali gus memberi kesinambungan pemakaiannya dalam generasi baharu dan akan datang.

<b>NP</b>	<b>Lambang Fonetik</b>		<b>Bahasa atau Dialek Tempatan</b>
Ngahzain Enterprise	[ŋahzai]	<i>Ngah</i> ialah singkatan daripada perkataan <i>Angah</i> atau <i>Tengah</i> . Kata sapaan ini digunakan untuk menyapa bapa saudara atau ibu saudara (anak yang ketiga dalam tujuh orang adik-beradik ayah atau ibu, anak yang kedua dalam tiga orang adik-beradik ayah atau ibu). <i>Zai</i> ialah nama singkatan yang digabungkan dengan <i>ngah</i> .	BMB, Kedayan

Perusahaan Acaiku	[afaiku]	<i>Acai</i> ialah kata sapaan yang digunakan untuk menyapa bapa saudara atau ibu saudara yang kedua dalam tujuh orang adik-beradik ayah atau ibu.	BMB, Kedayan
-------------------	----------	---	--------------

**Jadual 6** Contoh NP yang Menerapkan Kata Sapaan

### 3.2.4 Penggunaan Nama Tokoh dan Nama Tempat

Menggunakan nama tokoh atau tempat tertentu pada NP memberi peluang kepada masyarakat untuk mengenal sejarah budaya bangsa atau negara. Ini merupakan salah satu usaha tidak langsung pencipta atau pemilik NP dalam mempromosikan bahasa dan budaya agar kekal menjadi ristaan masyarakat. Di samping itu, nama-nama tokoh yang disemadikan pada NP juga dinilai sebagai simbol citra sesebuah masyarakat dan negara. Nama-nama tokoh atau tempat diterapkan pada NP kerana ingin meminjam dan menerapkan ‘semangat’ yang tersirat pada nama berkenaan. Di dalam Jadual 7 yang berikut, ialah contoh bagi penggunaan nama tokoh dan tempat dalam NP. Perkataan-perkataan tersebut dicondongkan.

NP	Penjelasan
<i>Sigurros Alak-Betatar</i> Company	Nama Sultan Brunei yang pertama
<i>Semaun</i> Holding Sendirian Berhad	Nama pahlawan Brunei
Seri <i>Meradun</i> Restaurant	Nama tempat

**Jadual 7** Contoh NP yang Menerapkan Nama Tokoh dan Tempat

### 3.3 Nama Khusus NP: Kias Makna, Persepsi, dan Pemikiran Masyarakat

Dengan memberikan beberapa contoh nama khusus NP yang menerapkan bahasa dan dialek tempatan, perbincangan akan menjurus kepada huraian kias makna, persepsi, perilaku, dan pemikiran masyarakat penutur bahasa dan dialek berkenaan.

### 3.3.1 Nama khas NP yang menggunakan bahasa Melayu Brunei (BMB)

Contoh 1: Barong-Barong Arzy

Di dalam *Kamus Bahasa Melayu Brunei*, perkataan *barung-barung* [baruŋ-baruŋ] bermaksud rumah sendiri, iaitu perkataan yang digunakan untuk *rumah sendiri* ketika bercakap dengan raja. Perkataan ini digunakan untuk merendahkan diri apabila memperkatakan tentang rumah seseorang rakyat. Namun begitu, penggunaan perkataan *barung-barung* pada NP ini bukan bermakna perniagaan tersebut terbatas, tetapi sekadar meminjam perkataan yang bersifat arkaik. Di samping itu, penerapan perkataan berkenaan menggambarkan bahawa pencipta atau pemilik NP mempunyai keperibadian yang cukup baik kerana memiliki rasa hormat pada saat ingin bersaing dalam dunia perniagaan. Tidak juga dapat disangkalkan bahawa memunculkan perkataan *barung-barung* ini boleh menyorot serba sedikit tentang budaya berbahasa antara orang kebanyakan dengan kerabat diraja.

### 3.3.2 Nama Khusus NP yang Menggunakan Dialek Tutong dan Belait

Contoh 2: Seruma Pool House

Dalam dialek Tutong disebut *seruma* [səyumaʔ] yang bermaksud bermain, dan dalam dialek Belait, disebut *saruma* [sayumaʔ] yang bermaksud main. Dalam konteks dialek Tutong, *seruma* dibina dari kata dasar *ruma* [yumaʔ] yang bermaksud permainan. Frasa bahasa Inggeris Pool House digabungkan dengan kata *seruma* bagi memperlihatkan unsur nama NP yang bersifat kontemporari moden. Memunculkan perkataan *seruma* [səyumaʔ] pada NP menggambarkan kesesuaiannya dengan sukan *pool*.

### 3.3.3 Nama khusus NP yang menggunakan dialek Kedayan

Contoh 3: Syarikat Pengangkutan Mencahaie

*Mencahaie* [mʌncəhaiʔ] bermaksud *mencari*. Kata dasarnya ialah *cahai*ʔ [cahaiʔ] yang bermaksud *cari*. Semantik *mencahaie* [mʌncəhaiʔ] lebih bermaksud kepada ‘mencari rezeki’. Dalam konteks ini, perkataan *mencahaie* pada NP berkenaan membawa makna yang jelas, iaitu untuk mencari rezeki kerana perniagaan tersebut menyediakan khidmat pengangkutan. Ini sejajar dengan pemilihan perkataan *mencahaie* [mʌncəhaiʔ] yang menepati kehendak pencipta atau pemilik NP yang berkenaan. Dalam hal ini, pemilik NP tidak lagi berkias makna, tetapi menterjemahkan makna *mencahaie* [mʌncəhaiʔ] secara langsung pada NP.

### 3.3.4 Nama Khusus NP yang Menggunakan Dialek Dusun dan Bisaya

Contoh 4: Munchoi Restaurant

Dalam kededua dialek Dusun dan Bisaya, makna *munchoi* [monʃoĩ] adalah sama, iaitu baik. Semantik pada NP ini diluaskan maknanya pada identiti restoran. Ini mencakupi semua segi, iaitu hidangan yang disediakan adalah baik dan sihat, khidmat layanan yang diberikan juga baik dan bermutu, suasana restoran yang kondusif dan sebagainya. Pendek kata, rangkuman makna kata *munchoi* [monʃoĩ] ingin dicernakan pada segala aspek yang berkaitan dengan restoran berkenaan. Malah, menyebut perkataan *munchoi* [monʃoĩ] adalah mudah dan sentiasa meniti ‘di bibir-bibir’.

### 3.3.5 Nama Khusus NP yang Menggunakan Dialek Murut

Contoh 5: Meresat Company

*Meresat* [məɾəsət] bermaksud *bersinar*. Dalam hubungan ini, makna yang dituangkan pada NP adalah jelas, iaitu menginginkan sebuah perniagaan yang sentiasa berjaya dan cemerlang. Perkataan *meresat* membawa makna yang positif.

#### **4.0 Memunculkan Bahasa dan Dialek tempatan pada NP**

Secara fitrahnya, manusia dibekalkan dengan ilmu dan akal untuk mencipta sesuatu yang bersifat kreatif khususnya pada pemberian nama, iaitu nama anak, nama bangunan, nama jalan, nama kampung, nama produk perniagaan, dan sebagainya. Nilai kekreatifan itu pula subjektif sifatnya, dan bergantung pada kaca mata masing-masing. Dalam konteks penciptaan nama khusus NP, mengekang atau menyekat mana-mana individu daripada mencipta nama khusus NP berdasarkan cita rasa masing-masing adalah sesuatu yang sangat tidak wajar. Pada hakikatnya, pencipta atau pemilik NP sebenarnya berusaha untuk menyalurkan kekreatifan minda mereka pada nama khusus NP yang setentunya menyimpan dan mengungkap pelbagai makna yang tersurat dan tersirat. Selari dengan pendapat ini, Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (2005:134) mengemukakan pendapatnya:

“...seseorang itu membina impian berasaskan kemampuannya dalam pengalaman berbahasa.”

Oleh hal yang demikian, usaha untuk menggalakkan penggunaan bahasa dan dialek tempatan pada nama khusus NP perlu digiataktifkan agar bahasa dan dialek tempatan dapat disebarluaskan penggunaannya, dan terus hidup (*survive*). Untuk menggalakkan penggunaan bahasa dan dialek tempatan pada NP, beberapa langkah boleh dilaksanakan yang memerlukan komitmen kerajaan dan masyarakat penutur bahasa dan dialek berkenaan.

Sebagai langkah permulaan, pihak kerajaan perlu menyediakan buku rujukan seperti kamus dialek atau daftar dialek, khususnya di lokasi tempat menghadapkan permohonan pendaftaran perniagaan. Dimaklumi, setakat ini di lokasi berkenaan hanya menyediakan buku garis panduan ciri-ciri perniagaan berserta kod-kodnya. Dengan adanya buku rujukan mengenai dialek

tempatan, sekurang-kurangnya orang ramai yang menghadapi permohonan perniagaan akan berpeluang mengetahui pelbagai leksikal dialek yang boleh mereka pilih untuk NP masing-masing. Langkah ini sekali gus dinilai sebagai salah satu program pengayaan bahasa dan dialek tempatan dalam kalangan masyarakat. Ia juga diharap mampu memupuk rasa bangga dalam kalangan masyarakat terhadap bahasa dan dialek yang terdapat di negara ini. Masyarakat boleh mencedok bahasa dan dialek tempatan puak lain untuk penciptaan nama perniagaan masing-masing.

Di samping itu, masyarakat pula adalah digalakkan untuk meminta nasihat DBPB terlebih dahulu sebelum mendaftarkan NP. Dengan cara ini, pihak DBPB berpeluang memantau penggunaan bahasa yang murni, betul, dan tepat. Senario penggunaan perkataan yang boleh menyentuh sensitiviti pihak-pihak tertentu boleh dielakkan kerana setiap masyarakat mempunyai penggunaan dan tanggapan yang berbeza mengenai perkataan tertentu. Dengan perkataan lain, sesuatu konotasi yang tidak elok pada NP mengenai pemilihan perkataan yang dipaparkan pada NP boleh dibendung dari awal. Akhirnya, diharap langkah ini memberikan situasi menang-menang kepada semua pihak.

Ringkasnya, usaha memunculkan bahasa atau dialek tempatan pada NP sebenarnya terletak pada iltizam penuturnya. Mereka perlu ada sikap bahasa yang positif, iaitu mempraktikkan bahasa berkenaan dalam kehidupan harian, berasa megah, bangga, dan setia terhadap bahasa dan dialek masing-masing.

## **5.0 Kesimpulan**

Kesediaan masyarakat penutur bahasa atau dialek tempatan memunculkan bahasa masing-masing pada NP wajar dibudayakan. Pembudayaan menggunakan bahasa atau dialek masing-masing memberi ruang dan peluang untuk menonjolkan citra jati diri mereka. Selain itu, NP boleh dijadikan bahasa kajian yang memberi gambaran tentang situasi bahasa yang digunakan oleh masyarakat, dan sikap masyarakat terhadap bahasa. Bertitik tolak dari sini juga, pihak-pihak berkuasa yang menangani hal ehwal bahasa boleh memanfaatkan NP sebagai salah satu wadah



untuk merangka dan menyusun strategi yang lebih praktikal dalam membuat perancangan pelestarian bahasa khususnya mengenai bahasa dan dialek tempatan. Tambahan pula, NP yang terapar pada papan NP berfungsi sebagai wadah penyebar bahasa, iaitu mempromosi dan menyebarkan bahasa kepada masyarakat. Pendek kata, NP merupakan salah satu wahana yang mampu mengungkap citra jati diri pemilik NP, dan perkara ini haruslah dimanfaatkan sebaik mungkin untuk menggalakkan dan memangkin pelestarian bahasa dan dialek tempatan. Perlu ditanam dalam minda bahawa semasa kita menggalakkan masyarakat untuk melakar laluan ke arah masa depan yang lebih cerah dalam bidang perniagaan atau apa bidang sekali pun, masyarakat perlu sedar bahawa bahasa merupakan tunggak jati diri yang tidak dapat dijual beli. Masyarakat haruslah digalakkan untuk mengamalkan sikap bahasa yang positif terhadap bahasa atau dialek masing-masing kerana jika bahasa, khususnya bahasa ibunda pupus, maka akan pupuslah juga budaya masyarakat.

## Bibliografi

- Abdullah Hassan, (2005). Isu-isu mengenai fungsi bahasa Melayu. Dlm. Abdullah Hassan (pnys.) *Terjemahan dan pengglobalan ilmu*, hlm. 5-37. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Daftar Leksikal 7 Dialek Brunei Darussalam*, (2011). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.
- Gorter, D. (pnyt.) (2006). *Linguistic landscape: a new approach to multilingualism*. Clevedon/Buffalo/Toronto: Multilingual Matters Ltd.
- Hashim Haji Musa (pnyt.), (2005). *Bahasa & pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Kalatzis, Mary, (1989). *Minority language and dominant culture: issues of education, assessment and social equity*. London: The Falmer Press.
- Kamus Bahasa Melayu Brunei*, (2007). Ed. Ke-2. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, (2003). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.
- Kamus Dewan*, (2007). Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Martin, P.W., Ozóg C. & Poedjosoedarmo G. (pnyt.), (1996). *Language use and language change in Brunei Darussalam*. United States of America: Ohio University.
- Prosiding seminar bahasa dan sastera*, (2004). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Ruíz R., (1988). Orientations in language planning. Dlm. *Language diversity: problem or resource? A social and educational perspective on language minorities in the United States.*, hlm. 3-25. United States of America: Heinle & Heinle Publishers.
- Sandra, MK & Wong S.L.C (pnyt.), (1988). *Language diversity: problem or resource? A social and educational perspective on language minorities in the United States.*, hlm. 3-25. United States of America: Heinle & Heinle Publishers.
- Teo Kok Seong, (2000). *Sociolinguistik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Abdul Kadir Wan Yusof, (2005). Bahasa dan pemikiran budaya. Dlm. Hashim Haji Musa (pnyt.) *Bahasa & pemikiran Melayu*, hlm. 134-144. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

### **Laman web**

Paola Coluzzi. *The linguistic landscape of Brunei Darussalam: minority languages and the threshold of literacy*. <http://www.ubd.edu.bn/academic/faculty/fass/SEA/vol12/SEA-v12-coluzzi.pdf>, dilayari pada 20 Januari 2014.

Samira Mizani. *Proper names and translation*. <http://translationjournal.net/journal/45proper.htm>, dilayari pada 2 Februari 2014.